

**PERANCANGAN HARTA MENGIKUT UNDANG-UNDANG ISLAM
MENGUNAKAN KONSEP HIBAH**

NURUL HAZIRA BINTI RAHMAT

Universiti Teknologi Malaysia

**PERANCANGAN HARTA MENGIKUT UNDANG-UNDANG ISLAM
MENGUNAKAN KONSEP HIBAH**

NURUL HAZIRA BINTI RAHMAT

**Laporan Projek Sarjana Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)**

**Jabatan Pentadbiran Tanah
Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER 2009

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat dari Allah S.W.T saya telah berjaya menyempurnakan Projek Sarjana ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, PM. Dr. Mohammad Tahir Sabit di atas budi baik beliau yang telah banyak membantu dan membimbing dengan sabar dalam menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada penyelaras Projek Sarjana semester ini, Dr Khadijah Binti Hussin di atas segala tunjuk ajar dan panduan beliau untuk setiap peringkat kajian yang dilakukan oleh pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada pegawai-pegawai dari Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan Amalan Harmoni Sdn. Bhd. yang telah meluangkan sedikit masa mereka dalam memberikan penerangan dan maklumat serta kerjasama dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sokongan moral dan kerjasama dalam usaha menyiapkan kajian ini.

ABSTRAK

Hibah merupakan salah satu instrumen penting dalam perancangan harta menurut undang-undang Islam. Hibah merupakan pemberian hadiah yang diberikan samada kepada seseorang yang memerlukan atau seseorang yang disayangi tanpa balasan daripada orang tersebut. Instrumen hibah ini digalakkan dalam Islam, di mana sekiranya ia dilakukan dengan betul dan selaras dengan kehendak syarak maka ia boleh mengelakkan berlaku pertikaian dan perebutan harta. Melalui hibah ini juga dapat membantu kaum kerabat yang memerlukan bantuan. Terdapat tanggapan bahawa dengan melakukan hibah maka dia telah menyalahi ketepatan hukum faraid. Tanggapan ini tidak tepat kerana instrumen ini juga sebenarnya diberi fokus dan tempatnya yang tersendiri di dalam Islam. Walau bagaimanapun, instrumen hibah ini agak kurang dikenali berbanding dengan perancangan harta yang lain. Pada masa sekarang orang Islam menyangkakan bahawa cara wasiat dan faraid sahaja cara yang terbaik dalam menguruskan dan merancang harta pusaka maka cara hibah ini kurang mendapat perhatian. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tentang instrumen hibah ini, keistimewaan dan kelemahannya berbanding dengan perancangan harta yang lain serta usaha-usaha yang difikirkan sesuai untuk dilakukan bagi lagi memperkenalkan hibah ini di kalangan masyarakat. Kajian ini melibatkan kaedah menemubual pegawai-pegawai di Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan Amalan Harmoni Sdn. Bhd. Bagi tujuan menganalisis data-data yang telah dikumpul, penulis telah menggunakan kaedah analisis deskriptif di mana kaedah analisis ini merupakan satu kaedah membuat penerangan secara lebih mendalam dengan cara mengolah atau mengupas hasil analisis yang telah diperolehi. Di akhir kajian ini, penulis dapat menjelaskan bahawa instrumen hibah ini merupakan kaedah perancangan harta yang terbaik berbanding dengan perancangan harta yang lain.

ABSTRACT

Hibah is one of the important instruments in property planning according to Islamic law. It is the giving of a gift whether it is given to one who is in need or to someone that you loved without thinking of something in return. This instrument is encouraged in Islam, if it is been execute correctly and accordingly to the needs of Syarak, it can avoid the disagreement between the heirs. Through hibah, it can also help close relatives that need the help and support. There is a thought that by doing hibah then you are offended the law of faraid. These thought is incorrect because these instrument is actually been focused and had its place in Islamic Law. However, this instrument is not well known compare to other property or estate planning. Now, Muslim in this country thought that faraid and will is the best way to manage and planning inherit property and so hibah is getting less attention. That is why this research is being done to find out more about hibah, the advantage and disadvantages and also the effort that can be done to make hibah a more well known estate planning among the community. The research involves interviewing officers from Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad and Amalan Harmoni Sdn. Bhd. To analyze the data that being collected, the writer uses the descriptive method which is the method to explain more detail about the result of the analysis. At the end of the study, the writer can explain why hibah is the best way in property or estate planning compare to others.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	SENARAI KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Metodologi Kajian	9
	1.7.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan	10
	1.7.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur	10

1.7.3	Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data	11
1.7.4	Peringkat Keempat: Analisis Data	12
1.7.5	Peringkat Kelima: Cadangan dan Kesimpulan	12
1.8	Susunatur Bab	14
1.8.1	Bab Satu : Pendahuluan	14
1.8.2	Bab Dua : Konsep Perlaksanaan Hibah	14
1.8.3	Bab Tiga : Konsep Perlaksanaan Hibah	15
1.8.4	Bab Empat : Analisis Kajian	15
1.8.5	Bab Lima : Rumusan dan Cadangan	16
2	KONSEP PERLAKSANAAN HIBAH	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Hibah	18
2.3	Dalil Mengharuskan Hibah	20
2.4	Rukun-Rukun Hibah	21
2.4.1	Penghibah (Wahib)	21
2.4.2	Penerima (Mauhub-Lahu)	22
2.4.3	Barang atau harta yang dihibahkan (al-Mawhub)	22
2.4.4	Sighah	24
2.4.5	Menyerah Milikan	24
2.4.6	Penerimaan Barang (al-Qabd)	25
2.5	Jenis-Jenis Hibah	26
2.5.1	Hibah Umra	26
2.5.2	Hibah Ruqba	27
2.5.3	Hibah Terus	30
2.5.4	Hibah Amanah	31
2.6	Sifat Dan Ciri-Ciri Hibah	32
2.6.1	Tidak Boleh Ditarik Balik	32
2.6.2	Hibah Pada Masa Mard Al-Maut	33
2.7	Siapa Yang Digalakkan Membuat Hibah	35
2.8	Siapa Yang Layak Menerima Harta Hibah	36
2.9	Perlaksanaan Konsep Hibah Di Malaysia	38

2.9.1	Lafaz Sighah (Ijab Dan Qabul) Yang Didokumenkan	39
2.9.2	Dokumen Sighah	40
2.9.3	Surat Ikatan Amanah	41
2.9.4	Pemegang Amanah	43
2.9.5	Borang Pindah Milik (Borang 14A Kanun Tanah Negara Dan Borang Pindah Milik Saham Dan Lain-Lain)	48
2.9.6	Surat Kuasa Wakil	48
2.10	Perundangan Khusus Mengenai Hibah Di Malaysia	51
2.11	Kesimpulan	53
3	PENGAPLIKASIAN KONSEP HIBAH	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Amanah Raya Berhad	55
3.2.1	Sejarah Penubuhan Amanah Raya Berhad	55
3.2.2	Visi Dan Misi Amanah Raya Berhad	58
3.2.3	Falsafah Korporat Amanah Raya Berhad	58
3.2.4	Produk dan Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Amanah Raya Berhad	59
3.2.4.1	Pentadbiran Harta Pusaka	60
3.2.4.2	Akaun Amanah	62
3.2.4.3	Wasiat	62
3.2.4.4	Hibah Harta	63
3.2.5	Cawangan Di Seluruh Malaysia	65
3.2.6	Peruntukan Undang-Undang Berkenaan Amanah Raya Berhad	66
3.3	As-Salihin Trustee Berhad	66
3.3.1	Misi Dan Objektif As-Salihin Trustee Berhad	67
3.3.2	Struktur Organisasi	68
3.3.3	Produk Yang Ditawarkan	69
3.3.3.1	Hibah	69
3.3.3.2	Pri-hibah (Deklarasi Hibah)	70

3.3.3.3 Amanah	72
3.4 Amalan Harmoni Sdn. Bhd.	73
3.4.1 Moto Amalan Harmoni Sdn. Bhd.	74
3.4.2 Agen Korporat Amanah Raya Berhad	74
3.4.3 Perkhidmatan Amalan Harmoni Sdn.Bhd.	75
3.5 Kesimpulan	75
4 ANALISIS KAJIAN	77
4.1 Pengenalan	77
4.2 Kaedah Pengutipan Data	78
4.3 Kaedah Analisis Kajian	79
4.4 Analisis Data	79
4.4.1 Analisis Kelebihan Perancangan Harta Melalui Konsep Hibah Berbanding Dengan Pengurusan Harta Yang Lain.	79
4.4.2 Analisis Kelemahan Perancangan Harta Melalui Konsep Hibah Berbanding Dengan Pengurusan Harta Yang Lain.	90
4.4.3 Kaedah Untuk Lebih Memperkenalkan Konsep Hibah Di Kalangan Masyarakat Awam	91
4.5 Kesimpulan	94
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	96
5.1 Pengenalan	96
5.2 Penemuan Kajian	93
5.3 Cadangan Penyelesaian	102
5.3.1 Menyediakan Satu Akta Yang Khusus Berkaitan Dengan Hibah	103
5.3.2 Mempraktikkan Konsep Hibah Di Majlis- Majlis Agama Setiap Negeri	104

5.3.3	Peranan Agensi-Agensi Pengurusan Dan Perancangan Harta dan Pemantauan Terhadapnya	105
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5	Permasalahan Kajian	106
5.6	Kesimpulan	107
	RUJUKAN	109
	LAMPIRAN	111

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
4.1	Senarai Pegawai Yang Terlibat Dalam Temubual Penulis	78
4.2	Perbezaan Jumlah Pemberian Yang Boleh Dibuat Semasa Hidup Dan Selepas Kematian	84

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	13
2.1	Proses Hibah Terus	30
2.2	Proses Hibah Amanah	31
2.3	Contoh Borang Penyediaan Pengisytiharan Hibah Dan Surat Ikatan Amanah.	49
3.1	Struktur Organisasi As-Salihin Sdn. Bhd.	68
3.2	Produk-Produk Perancang Harta Yang Ada Di As-Salihin	69

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Soalan Temubual	111
B	Borang-borang Permohonan Hibah	115

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam amat mengambil berat tentang persoalan harta dalam kehidupan manusia. Harta dianggap sebagai satu amanah oleh Allah yang mesti diuruskan dengan baik dan sesempurna mungkin, berdasarkan peraturan dan hukum Allah S.W.T. Pengurusan harta sebagai bekalan kehidupan di akhirat mesti diurus dan dirancang semasa seseorang itu masih hidup lagi. Harta dunia ini adalah milik Allah S.W.T. dan kita hanyalah pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbirnya sebaik mungkin mengikut syariat Islam. Firman Allah S.W.T. di dalam Surah an-Nisa', ayat 132, yang bermaksud:

“Dan bagi Allah jualah apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan memadailah Allah sebagai pengawal”

Di bawah Undang-undang Islam, pemilik harta mempunyai hak atau kuasa untuk menguruskan atau menentukan sendiri kaedah pengurusan harta yang diinginkan. Pemilik mempunyai hak untuk menguruskan hartanya dengan menggunakan apa

sahaja kaedah samada ketika masih hidup ataupun membiarkan hartanya diuruskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan untuk dibahagikan kepada waris-warisnya.

Oleh itu Islam telah menyusun dan mengatur pelbagai sistem dan kaedah yang terbaik bagi umatnya untuk mengurus harta melalui kaedah-kaedah seperti wakaf, sedekah, wasiat, faraid dan juga hibah. Wakaf merupakan harta yang diberi untuk tujuan kebajikan kerana Allah di mana pemberian tersebut tidak boleh dibatalkan. Sedekah pula merupakan suatu pemberian atau sumbangan ikhlas yang mengharapkan keredaan daripada Allah. Tujuan seseorang itu melakukan sedekah ialah menolong dan membantu meringankan beban sesama insan. Kaedah lain yang sering digunakan dalam pengurusan harta orang Islam ialah faraid. Ia merupakan suatu formula pembahagian pewarisan harta pusaka yang telah ditentukan oleh Islam.

Wasiat pula merupakan salah satu kaedah lain yang digunakan dalam menguruskan harta ketika masih hidup. Ia merupakan satu deklarasi oleh pewasiat semasa hayatnya keatas hartanya dan manfaatnya untuk kebajikan waris yang dibenarkan oleh syarak. Manakala hibah pula merupakan pemberian sukarela semasa hidup tanpa mengharapkan imbalan atau balasan.

Setiap satu kaedah pengurusan harta ini adalah berbeza antara satu sama lain. Apabila seseorang itu mati maka secara automatik harta simati itu akan diuruskan mengikut kaedah faraid yang telah ditentukan cara pengiraannya. Harta-harta tersebut akan dibahagikan kepada waris-waris yang telah ditetapkan setelah hutang-hutang simati telah dilangsaikan. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang mempunyai harta, mereka boleh menguruskan harta mereka semasa mereka masih hidup lagi iaitu dengan menggunakan kaedah-kaedah yang telah diterangkan sebelum ini seperti hibah.

Kaedah melalui faraid telah ditetapkan bahagian-bahagian yang perlu dibahagikan kepada waris-waris yang telah ditetapkan mengikut hukum syarak

Islam. Wakaf, wasiat dan hibah pula digunakan ketika pemilik harta tersebut masih hidup. Dalam undang-undang Islam, wakaf itu boleh dibuat samada untuk kaum keluarga atau kerabat yang dikenali sebagai wakaf keluarga, atau untuk kepentingan kebajikan dan agama yang dikenali sebagai wakaf am(Ridzuan Awang, 1994). Kedua-dua jenis wakaf ini mempunyai fungsi yang sama iaitu dicipta untuk kebajikan saudara terdekat ataupun untuk keperluan anak-anak yatim serta golongan yang miskin dan malang.

Wasiat pula berbeza dengan hibah di mana ia telah ditetapkan jumlah yang boleh diberi kepada bukan waris iaitu 1/3 dan ia mestilah mendapat persetujuan daripada semua waris-waris. Manakala hibah pula merupakan kaedah perancangan harta yang berbeza daripada wasiat. Ia tidak memperuntukkan jumlah yang boleh diberi berbanding dengan wasiat dan hibah pula boleh diberi kepada sesiapa sahaja iaitu bukan waris samada orang Islam dan bukan Islam.

Walau bagaimanapun, kaedah perancangan harta melalui hibah ini kurang dikenali oleh masyarakat berbanding dengan wasiat sedangkan wasiat itu hanyalah salah satu daripada instrumen yang boleh dibuat untuk mengagihkan harta pusaka. Maka wasiat bukanlah suatu kaedah yang boleh menyelesaikan semua masalah dalam harta pusaka. Selain itu tiada peruntukan atau akta yang khusus berkaitan dengan hibah kecuali sesetengah negeri yang memperuntukkan di dalam perundangan negeri mereka contohnya seperti negeri Selangor. Oleh itu, pengetahuan tentang hibah ini perlulah diperluaskan dan dipertingkatkan lagi oleh kerajaan serta pihak-pihak yang mempraktikkan hibah.

1.2 **Penyataan Masalah**

Islam telah menyediakan cara yang terbaik untuk mengurus dan mentadbir harta secara lebih bijaksana, namun ruang dan peluang berkenaan tidak digunakan sepenuhnya. Soal pengurusan dan perancangan harta seharusnya dipandang serius oleh orang Islam keseluruhannya. Perancangan dan pengurusan harta ini sepatutnya diuruskan ketika masih hidup lagi bagi mengelakkan berlakunya masalah yang timbul kelak di antara waris-warisan harta tersebut.

Seperti yang dilaporkan di dalam Berita Harian pada 10 Julai 2007, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Nazri Aziz berkata “nilai hartanah dan jumlah wang yang tidak dituntut disebabkan isu pewaris yang tidak dapat diselesaikan, terdiri daripada semua kaum di negara ini, mencecah RM40 bilion sehingga kini dan daripada jumlah ini, sebanyak RM38 bilion terdiri adalah hartanah kaum Melayu”. Masalah ini berbangkit adalah akibat daripada perbalahan sesama keluarga, kurangnya kesedaran mengenai harta pusaka dan waris sendiri tidak mengetahui wujudnya harta terbabit mengakibatkan ia tidak dituntut.

Mengikut statistik Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, terdapat lebih enam juta hak milik tanah yang ada di negara kita. Dianggarkan lebih 1 juta hak milik tanah tersebut adalah milik orang yang telah mati dan masih lagi belum dibuat permohonan harta pusaka untuk diturun milik kepada ahli waris yang layak seperti yang dilaporkan dalam Rencana Utusan(2007). Angka tersebut membuktikan bahawa masih terdapat banyak lagi hartanah yang pemiliknya meninggal dunia dibiarkan tanpa sebarang tindakan. Kesannya, maka banyaklah tanah-tanah milik orang Melayu yang tidak dapat dimanfaatkan.

Malahan terdapat tanah pusaka yang terletak di kawasan yang begitu strategik tetapi tidak dapat dibangunkan memandangkan tanah itu mempunyai bilangan ahli waris yang menjangkau kepada lebih seratus orang. Lebih meruncing lagi ahli-ahli

waris itu pula tidak mengenali antara satu sama yang lain bagi membincangkan masa depan tanah pusaka tersebut. Akhirnya, hartanah itu akan terus tertinggal dalam arus perdana pembangunan negara dan tidak lagi mempunyai nilai komersial untuk dibangunkan.

Selain itu, masalah lain yang timbul adalah harta pusaka terutamanya milik orang Islam yang gagal dimajukan kerana ada di antaranya mempunyai pemilik yang terlalu ramai hingga melebihi 100 orang. Sebagai contoh, dalam satu kes yang unik yang berlaku di Kampung Baru, Kuala Lumpur, sebidang tanah berukuran 371.6 meter persegi (4,000 kaki persegi) mempunyai 141 orang yang berhak terhadapnya dan tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang. Ia gagal dibangunkan kerana ia diwarisi oleh ramai penama dan penama-penama tersebut pula tidak mengenali antara satu sama lain.

Keadaan yang sama turut berlaku di Johor Bahru, apabila tanah strategik dan bernilai tinggi di Kampung Bakar Batu, sukar dikomersialkan kerana dimiliki oleh 67 penama dan 28 orang daripadanya pula sudah meninggal dunia. Waris-waris sah yang terdiri daripada pelbagai generasi yang saling tidak mengenali akan menimbulkan masalah untuk mengadakan perbincangan. Akibatnya, hartanah-hartanah tersebut akan terus ketinggalan dalam arus pembangunan dan tidak lagi mempunyai nilai komersial (Utusan Malaysia, 7 Julai 2006).

Masalah-masalah ini akan menyebabkan keluarga berbalah, bahkan harta yang ditinggalkan menjadi punca bencana keluarga sendiri dan paling malang, ia akan berlarutan hingga satu generasi ke generasi yang lain tanpa penyelesaian bahkan mungkin tidak dapat diselesaikan kerana membabitkan waris yang berlapis. Nazri juga berkata, masalah yang melanda semua kaum ini juga disebabkan masih ramai yang tidak memahami pentadbiran warisan, pendedahan mengenai wasiat, hibah (hadiah), pemegang amanah serta pengetahuan pengagihan harta selepas kematian.

Umat Islam pada masa kini juga tidak begitu mengambil berat tentang pengurusan harta mereka. Mereka merasakan mengapa perlu merancang harta, sedangkan harta pusaka adalah milik orang yang hidup. Lebih-lebih lagi telah ada sistem faraid yang menentukan agihan harta pusaka. Mentaliti seumpama ini wujud akibat daripada tahap kesedaran dan pengetahuan umat Islam berkenaan kaedah perancangan harta pusaka masih amat rendah. Mereka juga beranggapan bahawa harta mereka akan dibahagikan dengan baik setelah kematian mereka kerana adanya sistem seperti faraid yang telah membahagikan hak-hak yang sepatutnya diterima oleh setiap waris. Walau bagaimanapun, mereka tidak terfikir jika ada timbulnya pertelingkahan atau perbalahan antara waris-waris terhadap harta yang ditinggalkan setelah kematian mereka serta masalah lain seperti mengambil masa yang lama.

Pengurusan harta menggunakan kaedah faraid memakan masa yang lama serta kos perbelanjaan yang agak besar. Ini kerana, jika terdapat pertelingkahan atau perbalahan antara ahli waris maka ia perlu diselesaikan terlebih dahulu dan ia mungkin mengambil masa yang lama. Selain itu, untuk meneruskan dengan pembahagian harta pusaka melalui kaedah faraid, kehadiran semua waris adalah penting. Oleh itu, masalah mungkin akan timbul dalam mengesan kesemua waris yang berkaitan kerana mungkin ada waris yang tidak dapat dikesan atau telah meninggal dunia. Ini akan menambah lagi kos perbelanjaan serta memakan masa yang lama.

Jika umat Islam masih memandang remeh mengenai pengurusan ke atas harta mereka, maka aset yang tidak dituntut umat Islam akan terus bertambah dan dibekukan. Kelalaian itu amat tidak ekonomik dan amat merugikan negara. Seharusnya aset bernilai itu ditadbir dan diurus sebaik mungkin agar ia bermanfaat kepada pihak yang memerlukan atau boleh disalurkan terus ke arah perkembangan dan kemajuan Islam. Kes yang kebanyakannya melibatkan harta milik orang Islam berlaku ekoran kegagalan pemegang harta tersebut dalam merancang pengagihan pusaka mereka ketika masih hidup lagi iaitu melalui dokumen hibah.

Walau bagaimanapun, masih ramai umat Islam yang tidak tahu mengenai kewujudan hibah sebagai salah satu alternatif dalam perancangan harta. Kefahaman dan pengetahuan tentang hibah oleh masyarakat Islam adalah kurang dan kebanyakannya lebih mengetahui tentang pengurusan harta yang lain sedangkan hibah juga adalah salah satu instrumen dalam pengurusan harta pusaka.

Pada masa kini, terdapat banyak institusi-institusi yang menguruskan harta pusaka iaitu seperti Amanah Raya Berhad yang telah lama mempraktikkan kaedah hibah ini. Walau bagaimanapun, konsep ini kurang diketahui oleh masyarakat dalam negara ini mungkin disebabkan oleh kurangnya promosi atau kefahaman tentang konsep hibah yang diperkenalkan oleh instiusi-institusi tersebut. Maka hibah ini merupakan salah satu cara perancangan harta yang penting bagi mengelakkan berlakunya masalah-masalah yang disebutkan. Lantaran itu, adalah wajar perbincaraan tentang hibah ini diketengahkan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam untuk difahami dan dipraktikkan dalam kehidupan.

1.3 Matlamat

Matlamat kajian adalah untuk mengkaji konsep hibah sebagai salah satu kaedah perancangan harta yang terbaik untuk digunakan oleh masyarakat terutamanya orang Islam ketika masih hidup lagi.

1.4 Objektif Kajian

- a. Mengenalpasti konsep hibah dengan lebih mendalam seperti rukun-rukun hibah serta perlaksanaannya dalam menguruskan harta dalam negara ini.
- b. Mengkaji kelebihan serta kelemahan penggunaan konsep hibah ini berbanding dengan perancangan harta yang lain.
- c. Mengkaji kaedah yang boleh dilakukan untuk lebih memperkenalkan lagi konsep hibah ini kepada masyarakat awam.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk melihat sistem pentadbiran dan pengurusan harta yang dilaksanakan dalam negara mengikut undang-undang Islam dengan memfokuskan kepada hibah dengan melihat kepada perlaksanaannya serta pemahaman mengenainya. Penulis akan melihat kepada apa sebenarnya hibah itu, bagaimana cara untuk melaksanakan hibah, keistimewaan serta kelemahannya berbanding dengan pengurusan harta mengikut undang-undang Islam yang lain iaitu wasiat dan faraid serta pengaplikasian hibah oleh sektor-sektor awam dan swasta seperti Amanah Raya Berhad. Penulis juga akan mencadangkan usaha atau kaedah-kaedah yang boleh dilakukan bagi lebih memperkenalkan lagi konsep hibah ini.

Sebelum ini, kajian telah pun dibuat mengenai hibah oleh Mohd Kamil bin Mokhtar yang bertajuk *Al-Hibah: The Principles And Operational Mechanism In The Contemporary Malaysian Reality* pada tahun 2007 di mana pengkaji lebih tertumpu pada penyelesaian kepada masalah yang berkaitan dengan pelupusan harta

di kalangan orang Islam tanpa mengenyahkan cara pelupusan melalui faraid dan wasiat dan lebih memfokuskan kepada hibah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Agama Islam, Pejabat Tanah, institusi-institusi awam serta swasta seperti pihak Amanah Raya Berhad dan juga institusi lain yang terlibat dengan pengurusan harta. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam dalam negara ini bahawa harta mereka boleh dibahagikan kepada waris-waris mereka yang diingini semasa mereka hidup lagi. Ini bukan sahaja dapat mewujudkan kaedah yang lebih berkesan bagi pelupusan harta di mana ia bukan sahaja dapat memberi keuntungan kepada pemilik tetapi pada masa yang sama juga dapat mengurangkan jumlah kes atau masalah yang berkaitan dengan pengurusan harta orang Islam yang tertunggak dan memakan masa yang lama.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang akan dibincangkan dalam bahagian ini merupakan satu pendekatan secara umum yang akan merangkumi keseluruhan proses kajian yang dijalankan bermula dari peringkat permulaan cadangan kajian sehingga ke peringkat akhir. Bagi mencapai objektif penulisan kajian ini, penulis telah menetapkan metodologi yang boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu :-

1.7.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan

Peringkat pemahaman awal meliputi pemilihan topik kajian melalui pembacaan dan rujukan awal. Pada peringkat ini, melibatkan pemahaman tentang aspek-aspek yang hendak dikaji sebagai panduan di dalam proses kajian yang akan dijalankan. Seterusnya melibatkan pembentukan matlamat kajian, objektif kajian dan skop kajian.

1.7.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur

Pada peringkat ini, kajian literatur dibuat untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dalam mengutarakan masalah dan objektif bagi kajian yang ingin dijalankan. Pengkaji akan mengenalpasti apa sebenarnya konsep hibah serta perlaksanaannya dalam menguruskan harta dalam negara ini. Selain itu, pengkaji akan melihat kepada ciri-ciri hibah, sekatan dalam menguruskan hibah, pembentukan hibah iaitu rukun-rukun hibah, dokumen hibah serta peruntukan dalam perundangan negeri yang menyatakan tentang hibah.

Maklumat-maklumat yang dikumpul dalam membuat kajian literatur ini diperolehi daripada data sekunder yang akan menyokong hujah-hujah yang dikemukakan dalam kajian ini. Sumber-sumber yang diperolehi adalah daripada pembacaan buku-buku rujukan, kertas seminar, keratan-keratan akhbar, kajian terdahulu, sumber internet dan lain-lain lagi.

1.7.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data

Pada peringkat ini pengumpulan maklumat akan dilakukan melalui dua peringkat iaitu seperti berikut :-

a) Data Primer

Merupakan peringkat kajian lapangan di mana maklumat dan data yang diperlukan diperolehi dan dikumpulkan. Kaedah yang digunakan untuk tujuan tersebut adalah melalui temubual. Bagi mencapai objektif kedua dan ketiga kajian, penulis akan membuat temubual dengan pegawai-pegawai yang berkaitan dengan pengurusan harta mengikut hibah ini contohnya seperti Pegawai dari Amanah Raya Berhad. Melalui temubual ini, penulis akan dapat mengetahui tentang perancangan harta melalui hibah yang dilakukan dan diaplikasikan dan dari sini kelebihan dan kelemahan penggunaan hibah juga akan dapat diketahui.

b) Data Sekunder


Data sekunder ini dikumpul bagi menyokong hujah-hujah yang diterima melalui data primer dan ia juga akan menyokong dan menjawab objektif pertama kajian ini. Data sekunder merupakan data-data yang dikumpul melalui pembacaan buku-buku ilmiah, majalah, buletin, laporan, kajian terdahulu dan kertas-kertas seminar yang berkaitan dengan pengurusan harta hibah. Selain itu, data sekunder ini juga berdasarkan kepada pengetahuan teoritikal dan pembelajaran.

1.7.4 Peringkat Keempat: Analisis Data

Di peringkat ini, kesemua data dan maklumat sekunder dan primer yang diperolehi akan dikumpul dan dianalisa mengikut aspek-aspek kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada data primer dan data sekunder, analisa akan dijalankan menggunakan kaedah analisis kualitatif berdasarkan bahan-bahan tersebut bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Semasa penganalisan data, keseluruhan data, transkrip temubual dan nota kajian dipecahkan mengikut kategori serta keperluan kajian.

1.7.5 Peringkat Kelima: Cadangan dan Kesimpulan

Pada peringkat ini adalah bahagian terakhir di mana setelah maklumat dianalisa sepenuhnya, cadangan akan dibuat bagi mengatasi permasalahan yang dinyatakan di dalam analisis. Cadangan kajian lanjutan juga akan dinyatakan dalam bahagian ini. Seterusnya, kesimpulan kajian akan dibuat mengenai konsep hibah ini.



Rajah 1.1 : Carta Alir Metodologi Kajian

1.8 Susunatur Bab

Dalam pelaksanaan kajian ini, pembahagian antara bab telah dilakukan secara terperinci. Secara keseluruhannya, kajian ini terdiri daripada 5 bab utama. Setiap bab yang mengandungi pengkhususan telah ditetapkan seperti berikut.

1.8.1 Bab Satu : Pendahuluan

Bab Satu merupakan peringkat awalan dan pertama sekali perlu disiapkan dalam sesuatu kajian. Ia mengandungi penerangan tentang pengenalan kajian, penyataan masalah, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta metodologi kajian ini dijalankan. Penerangan tentang objektif, skop, kepentingan serta metodologi kajian penting untuk memberi penjelasan dan pemahaman yang terperinci dalam pelaksanaan kajian ini.

1.8.2 Bab Dua : Konsep Perlaksanaan Hibah

Bab Dua kajian ini menerangkan tentang konsep perlaksanaan hibah yang telah ditetapkan oleh Syarak dan juga yang telah digunakan oleh institusi perancangan harta di Malaysia. Konsep perlaksanaan hibah ini masih mengikut ketetapan Syarak akan tetapi ia telah diubahsuai dan ditambah dengan instrumen-instrumen seperti surat ikatan amanah dan lain-lain lagi bagi memastikan dokumen hibah itu sah di sisi undang-undang. Bab ini lebih menjelaskan tentang apa sebenarnya hibah itu dengan melihat kepada rukun-rukun hibah perlu dilaksanakan,

jenis-jenis hibah serta peruntukan dalam perundangan negeri yang menyatakan tentang hibah.

1.8.3 Bab Tiga : Konsep Perlaksanaan Hibah

Dalam bab ini diterangkan tentang kawasan kajian atau syarikat yang telah dipilih bagi menjalankan proses temubual. Antara syarikat yang telah dipilih ialah Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan Amalan Harmoni Sdn. Bhd. Syarikat-syarikat ini merupakan syarikat awam dan swasta yang menjalankan perniagaan dengan menguruskan dan merancang harta ketika masih hidup lagi.

1.8.4 Bab Empat : Analisis Kajian

Bab ini merupakan bab yang paling penting dalam kajian. Dalam bab ini, data yang diperolehi hasil daripada temubual yang dijalankan dengan syarikat awam dan swasta yang telah dipilih akan dianalisa dan diterangkan dengan lebih mendalam. Analisis yang dihuraikan ini akan menjawab objektif kedua dan ketiga yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Antara analisis yang dihuraikan ialah analisis kelebihan serta kelemahan konsep hibah serta kaedah yang boleh dilakukan bagi lebih memperkenalkan konsep hibah ini di kalangan masyarakat. Daripada analisis yang dijalankan ini, dapat dilihat apakah kelebihan hibah ini berbanding perancangan harta yang lain serta menjadikannya sebagai kaedah perancangan harta yang terbaik digunakan.

1.8.5 Bab Lima : Rumusan dan Cadangan

Bab Lima merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Ia merangkumi kesimpulan dan rumusan yang dibuat berdasarkan keseluruhan kajian. Di akhir kajian ini, cadangan akan diberikan sebagai pendapat untuk penambahbaikan kajian-kajian berkaitan yang akan dijalankan selepas ini.

RUJUKAN

BUKU TEKS

Ridzuan Awang (1994), Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Selangor.

Siti Mashitoh Mahamood (2006), Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Mohd. Fitri Abdul Rahman (2007), Bagaimana Mengurus Harta Pusaka, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Tarmizi Jusoh (2009), Pewaris Jutawan: Kaedah Merancang Dan Menguruskan Harta Pusaka Islam, Truewealth Publishing.

As-Salihin Trustee Berhad, (2006), Manual Perancangan Harta Islam.

TESIS

Mohd Kamil Bin Mokhtar, (2007), Al-Hibah: The Principles And Mechanism In The Contemporary Malaysian Reality, Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.

ARTIKEL

Hj. Othman Yaacob, (2006), Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta, Universiti Malaya.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad, (2008), Bidang Kuasa Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia

Mohd Zamro Muda, (2008), Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

KERATAN AKHBAR

Utusan Malaysia (2006), Harta Pusaka Gagal Dimajukan,
<http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2007), Harta Pusaka Tidak Dituntut Cecah RM40b,
<http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2009), Bahaya Lewat Urus Harta Pusaka,
<http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2009), Ambil berat pelan penurunan harta pusaka,
<http://www.utusan.com.my>

Berita Harian (2007), Hibah Secara Bertulis Boleh Elak Salah Faham Antara Waris,
http://www.warisanmukmin.com/berita/berita_01002.html

Harian Metro (2008), Dapat tanah ibu terbuang, <http://www.hmetro.com.my>